

**Obama Dan Rcep Bakal Jadi Tumpuan Utama Mesyuarat Asean  
Bernama  
15 November, 2012**

PHNOM PENH, 16 Nov (Bernama) -- Kehadiran Barack Obama yang dipilih semula sebagai Presiden Amerika Syarikat dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dijangka menjadi tumpuan utama pada Sidang Kemuncak Asean ke-21 dan sidang kemuncak berkaitan di sini.

Obama dijadual bertemu dengan semua 10 pemimpin negara Asean pada Mesyuarat Pemimpin Asean-AS di Peace Palace di sini, pada Isnin ini.

Hubungan Asean-AS bermula 35 tahun lepas dan mereka dijangka meraikan ulang tahun pada mesyuarat tersebut.

"Mesyuarat ini penting kerana pentadbiran Obama kini memberi tumpuan yang lebih kepada rantau Asia Pasifik selain mempromosikan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang diperkenal AS, kerjasama perdagangan serantau dalam kalangan negara Asia Pasifik," kata seorang diplomat dari Asean yang tidak mahu dinamakan.

Mesyuarat itu akan berlangsung pada Ahad iaitu selepas mesyuarat ketua-ketua kerajaan Asean semasa Sidang Kemuncak Asean ke-21 di Peace Palace yang turut menempatkan Pejabat Perdana Menteri Kemboja.

Pada sidang kemuncak kali ini, Asean dijangka menerima Deklarasi Hak Asasi Manusia Asean selain melancarkan Institut Perdamaian dan Keamanan Asean (AIPR).

Obama juga dijadual menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) di venue sama pada Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709435>